



Ruj. Kami : KKM.500-5/2/4 Jld.44 (14)
Tarikh : 17 Januari 2024

Semua Setiausaha Bahagian
Semua Pengarah Bahagian
Semua Pengarah Kesihatan Negeri/ Wilayah Persekutuan
Semua Pengarah Institut Latihan KKM

YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan,

PELAWAAN BAGI MENGIKUTI MANAGEMENT TRAINING PROGRAMME FOR JUNIOR OFFICERS 2024 (GRED 41 HINGGA GRED 44) DAN LEADERSHIP DEVELOPMENT PROGRAMME FOR MIDDLE MANAGEMENT LEVEL (MANAGERS) 2024 (GRED 48 HINGGA GRED 56)

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dengan kerjasama Japan International Cooperation Agency (JICA) akan menganjurkan program seperti berikut:

- (a) Management Training Program for Junior Officers (Gred 41 - 44); dan
- (b) Leadership Development Programme for Middle Management Level (Gred 48 - 56).

3. Sehubungan itu, dimohon kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan untuk membuat hebahan pelawaan program di atas kepada pegawai-pegawai di **Jabatan/ Bahagian** masing-masing yang berminat dan layak untuk mengikuti program tersebut berdasarkan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh JPA seperti di **Lampiran A**.

4. Setiap permohonan hendaklah diisi secara dalam talian (on-line) di laman web rasmi Portal Penajaan Pembangunan Modal Insan, JPA iaitu <http://bmipenajaan.jpa.gov.my>. Tarikh permohonan dalam talian (on-line) adalah mulai **10 Januari hingga 2 Februari 2024**. Maklumat terperinci berhubung tatacara permohonan/ pencalonan bagi program ini adalah seperti di **Lampiran B**. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah **dimuat turun dan dicetak** dengan disertakan dokumen-dokumen seperti berikut:



- (i) JICA Application Form;
- (ii) Salinan Passport/ MyKad;
- (iii) Salinan Keputusan TOEFL/ TOEIC/ IELTS/ Ujian Bahasa Inggeris yang diiktiraf (sekiranya ada); dan
- (iv) Salinan Senarai Tugas/ *Job Description* (JD).

5. Untuk makluman jua, **semua dokumen** hendaklah **disahkan oleh pegawai yang berkelayakan** dan dikemukakan dalam **Bahasa Inggeris** sepenuhnya. Setiap permohonan yang lengkap perlu dikemukakan ke Bahagian Pengurusan Latihan, Kementerian Kesihatan Malaysia untuk perakuan Jawatankuasa Latihan **sebelum atau pada 31 Januari 2024 (Rabu)** ke alamat berikut :

**Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Latihan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 6, No. 26 Persiaran Perdana, Presint 3,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Putrajaya
62675 Putrajaya.
(u/p : Unit Latihan Dalam Perkhidmatan 2)**

6. Untuk sebarang pertanyaan, pihak YBhg. Datuk/ Dato// Dr./ Tuan/ Puan boleh berhubung dengan pegawai-pegawai di bawah:

- i) **Pn. Putri Sherina Aizat binti Abdul Aziz**
No. Tel : 03-88850713
Emel : putrisherina@moh.gov.my
- ii) **Pn. Noorfizawati binti Saidin**
No. Tel : 03-88850692
Emel : noorfizawati@moh.gov.my

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(NAEEM AZMI BIN NIAZ AHMAD)

Bahagian Pengurusan Latihan
b.p. Ketua Setiausaha,
Kementerian Kesihatan Malaysia

☎ 03 – 8885 0621

✉ naeemazmi@moh.gov.my